



# POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

---

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Unit Integriti  
Institut Koperasi Malaysia

# **KANDUNGAN**

<b>1</b>	<b>Pendahuluan</b>	<b>1</b>
<b>2</b>	<b>Tujuan</b>	<b>2</b>
<b>3</b>	<b>Pemakaian</b>	<b>3</b>
<b>4</b>	<b>Takrifan</b>	<b>3</b>
<b>5</b>	<b>Pernyataan Polisi</b>	<b>4</b>
<b>6</b>	<b>Pengisytiharan Polisi Kepentingan</b>	<b>5</b>
<b>7</b>	<b>Pelanggaran Polisi</b>	<b>5</b>
<b>8</b>	<b>Pertanyaan dan Pelaporan</b>	<b>5</b>
<b>9</b>	<b>Tarikh Kuat Kuasa</b>	<b>6</b>
<b>10</b>	<b>Penutup</b>	<b>6</b>
<b>II</b>	<b>Rujukan</b>	<b>6</b>
<b>12</b>	<b>Aku Janji</b>	

# **1. PENDAHULUAN**

---

- 1.1 Konflik kepentingan melibatkan konflik yang wujud antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang yang mana dia mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu tugas dan tanggungjawab atau ketika membuat pertimbangan bagi pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa).
- 1.2 Konflik kepentingan lazimnya dinilai dari sudut etika iaitu sama ada apa yang dilakukan oleh warga kerja itu betul atau salah secara moral.
- 1.3 Pada asasnya, apabila wujudnya konflik kepentingan, seseorang warga kerja itu mungkin berada dalam situasi di mana mereka tidak dapat berfikir secara objektif dan rasional, sekaligus gagal membuat keputusan secara adil dan saksama kerana dikaburi prospek keuntungan peribadi.
- 1.4 Merujuk kepada Peraturan 3(2) Tatakelakuan, Bahagian II, Jadual Kedua (Seksyen 5), Peraturan-Peraturan Badan-Badan Berkanun,Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), seseorang pegawai tidak boleh:
  - (a) membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
  - (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
  - (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa
    - (i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau
    - (ii) dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri;

## **2. TUJUAN**

---

Tujuan polisi konflik kepentingan diwujudkan adalah untuk:

- 2.1 Menangani Isu Konflik Kepentingan: Memastikan setiap konflik kepentingan yang wujud dalam jabatan dikenal pasti dan diuruskan dengan betul untuk mengelakkan sebarang kesan negatif terhadap operasi dan reputasi jabatan.
- 2.2 Meningkatkan Integriti dan Ketelusan: Mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti dan telus di mana setiap kakitangan bertindak dengan kejujuran dan mengutamakan kepentingan jabatan mengatasi kepentingan peribadi.
- 2.3 Melindungi Kepentingan Jabatan: Memastikan keputusan yang diambil oleh kakitangan adalah untuk kebaikan jabatan dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau pihak ketiga.
- 2.4 Mengelakkan Penyalahgunaan Kuasa: Mengelakkan situasi di mana kakitangan menggunakan kedudukan atau kuasa mereka untuk mendapatkan keuntungan peribadi atau untuk pihak ketiga.
- 2.5 Mematuhi Undang-undang dan Peraturan: Memastikan jabatan mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan dengan konflik kepentingan dan etika kerja.
- 2.6 Menggalakkan Budaya Kerja yang Profesional: Mewujudkan budaya kerja yang profesional di mana setiap kakitangan memahami dan menghormati kepentingan jabatan dan rakan sekerja.
- 2.7 Memudahkan Pengurusan Risiko: Membantu jabatan dalam mengenal pasti, menilai, dan mengurus risiko yang berkaitan dengan konflik kepentingan.
- 2.8 Dengan adanya polisi ini, jabatan dapat memastikan semua kakitangan memahami kepentingan mengelakkan konflik kepentingan dan bertindak secara berintegriti serta profesional.

## **3. PEMAKAIAN**

---

- 3.1 Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja IKMa. Semua warga kerja IKMa dikehendaki menandatangani AKU JANJI POLISI KONFLIK KEPENTINGAN IKMa.
- 3.2 Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan strategik atau pihak ketiga yang berurusan dengan Institut Koperasi Malaysia.

## **4. TAKRIFAN**

---

### **WARGA KERJA**

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Institut Koperasi Malaysia sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

### **SAUDARA & SEKUTU**

Merujuk kepada tafsiran "saudara" dan "sekutu" di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

### **PIHAK KETIGA**

Kontraktor, vendor, pembekal, koperasi, organisasi, persatuan, individu atau mana-mana pihak yang berurusan dengan Institut Koperasi Malaysia.

### **RASUAH**

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

## **5. PERNYATAAN POLISI**

Setiap warga kerja IKMa dilarang:

**Mengadakan hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pihak ketiga untuk kepentingan peribadi yang boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas rasminya.**

**Membiarkan diri atau saudara/ sekutu berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi.**

**Terlibat dalam membuat keputusan atau urusan perolehan atas kapasiti tugas rasmi dengan mana-mana pihak yang mana saudaranya atau sekutunya memiliki kepentingan dalam pihak tersebut.**

**Menyalah guna kedudukan rasmi untuk mempengaruhi keputusan yang memihak kepada dirinya atau saudara/ sekutunya.**

**Menyalah guna kedudukan rasmi sebagai warga kerja untuk mendapat layanan istimewa atau keuntungan daripada mana-mana pihak ketiga.**

**Menyalurkan apa-apa maklumat terperingkat berkaitan Jabatan yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di Institut Koperasi Malaysia.**

## **6. PERISYTIHARAN POLISI KEPENTINGAN**

---

- 6.1 Warga kerja yang mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana proses kerja hendaklah mengisyiharkan kepentingannya kepada Ketua Jabatan.
- 6.2 Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana-mana warga kerja yang telah mengisyiharkan kepentingannya dengan warga kerja lain yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.
- 6.3 Warga kerja yang mempunyai konflik kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat atau panel (contoh temu duga), hendaklah mengisyiharkan kepentingannya kepada mesyuarat/ panel serta meninggalkan mesyuarat/ panel tersebut. Urus setia kemudiannya hendaklah merekodkan pengisyiharan kepentingan warga kerja tersebut dan tindakan warga kerja meninggalkan mesyuarat/ panel.

## **7. PELANGGARAN POLISI**

---

Mana-mana warga kerja IKMa yang didapati gagal untuk mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan diambil tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Pelanggaran polisi oleh pihak ketiga akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, atau mana-mana badan pengawal lain yang berkaitan.

## **8. PERTANYAAN DAN PELAPORAN**

---

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:



**Ketua Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia  
103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor.  
(u.p: Ketua Unit Integriti)  
Emel: integriti@ikma.edu.my**

Borang Aduan sila imbas kod QR

## **9. TARIKH KUAT KUASA**

---

Polisi Konflik Kepentingan IKMa ini berkuat kuasa mulai tarikh ia diluluskan.



---

**(DATUK MOHD ALI BIN MANSOR)**  
**Ketua Pengarah**  
**Institut Koperasi Malaysia**

**Tarikh: 6 OGOS 2024**

## **10. PENUTUP**

---

Dengan wujudnya Polisi Konflik Kepentingan IKMa ini, warga kerja IKMa diharap dapat memahami perkara berkaitan prinsip dan tatacara dalam menjalankan tugas supaya dapat mengelak daripada berlakunya konflik kepentingan, seterusnya dapat menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah. Pematuhan terhadap Polisi ini akan menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah.

## **11. RUJUKAN**

---

- i. **Perlembagaan Persekutuan**
- ii. **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**
- iii. **Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)**
- iv. **Kod Etika Institut Koperasi Malaysia**



**AKU JANJI POLISI KONFLIK KEPENTINGAN**  
**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Saya.....

No. K/P ..... dengan ini mengaku bahawa :-

1. Saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di Institut Koperasi Malaysia.
2. Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisyiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Pengarah dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.
3. Saya menerima/ akur sekiranya saya mengingkari Polisi ini dan didapati memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Disaksikan oleh\*\* :

Tandatangan: .....

Tandatangan: .....

Nama: .....

Nama: .....

No. KP.: .....

No. KP.: .....

Jawatan: .....

Jawatan: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....

\*\*disaksikan oleh Ketua Jabatan (PTJ)

Disediakan oleh:

UNIT INTEGRITI  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA  
103, JALAN TEMPLER  
46700 PETALING JAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tahun 2024

